

Bajet 2017: BDB cadang kurangkan caj pembangunan

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 OKT.

BINA Darulaman Berhad (BDB) meminta kerajaan mengurangkan caj pembangunan yang dilihat akan meminimumkan tekanan ke atas margin dalam usaha mempercepatkan penyediaan rumah mampu milik, dalam pembentangan Bajet 2017 Jumaat ini.

Pengarah Urusan BDB, Datuk Izham Yusoff berkata, dalam mencapai matlamat itu, kerajaan boleh membantu pihak berkuasa menyediakan laluan khas untuk meluluskan permohonan pembangunan seperti Arahan Pembangunan, Hal Ehwal Tanah dan Pelan Bangunan.

Katanya, usaha berkenaan dapat membantu mempercepatkan penyediaan rumah mampu milik dalam pasaran supaya boleh dimanfaatkan golongan berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

“Dengan pendekatan ini, ia secara tidak langsung mencerminkan pendekatan holistik kerajaan yang boleh memberi manfaat kepada pemaaju dan pembeli.”

“Dalam masa sama, pemaaju yang melaksanakan sistem bangunan perindustrian (IBS) dalam kerja-kerja pembinaan ketika ini, berpeluang menikmati insentif

Ia secara tidak langsung mencerminkan pendekatan holistik kerajaan yang boleh memberi manfaat kepada pemaaju dan pembeli.”

IZHAM YUSOFF
Pengarah Urusan Bina Darulaman Berhad (BDB)



cukai bagi menggalakkan lebih ramai pemaaju menggunakannya dalam projek-projek mereka,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz dalam mesyuarat kumpulan fokus berkenaan Mempercepatkan Bekalan Rumah Mampu Milik untuk dibentangkan dalam Bajet 2017 berkata, rumah mampu milik akan terus menjadi fokus dalam pembentangan Bajet 2017 pada Jumaat ini dengan beberapa perkara berkaitan akan diberi tumpuan oleh kerajaan.

Menurut Izham, pemaaju yang menyediakan Skim Pembeli Rumah Kali Pertama perlu diberi

insentif dalam bentuk cukai, diskaun terhadap caj pembangunan dan mempercepatkan proses kelulusan kerana langkah tersebut akan menggalakkan orang lain mengikut jejak yang sama.

Beliau memberitahu, BDB menerusi anak syarikatnya, BDB Land Sdn. Bhd. (BDB Land) juga menjangkakan kategori B40 dan M40 akan menikmati lebih banyak fleksibiliti dari segi margin, nisbah pinjaman kepada nilai dan proses kelulusan terutama pembeli rumah kali pertama.

“Kami percaya dengan melanjutkan tempoh pinjaman daripada 35 kepada 40 tahun akan memberi kelebihan kepada pasaran termasuklah langkah meningkat-

kan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli rumah atau mengurangkan bayaran balik gadai janji, dapat mengurangkan bayaran pendahuluan dan komitmen bulanan,” katanya.

Dalam pada itu, dari segi prospek hartanah di Kedah pada tahun depan, Izham berkata, BDB Land akan terus memberi fokus untuk memenuhi keperluan rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Sebanyak 85 peratus daripada rumah tersebut akan dijual di bawah harga RM500,000 manakala 1,800 unit rumah berharga antara RM200,000 dan ke bawah,” katanya.

Katanya, rumah mampu milik itu dibina di bawah projek perbandaran yang sedang berjalan iaitu Bandar Darulaman di Jitra, Darulaman Perdana (Sungai Petani), Darulaman Utama (Kuala Ketil) dan perbandaran baharu, Darulaman Saujana (Hosba) dan Darulaman Putra (Sungai Lalang).

“Ini diharapkan dapat memenuhi keperluan pembeli rumah pertama berumur antara 25 hingga 39 tahun termasuk mereka yang masih bujang dan berkeluarga sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri menyediakan 40,000 rumah mampu milik baharu menjelang 2018,” kata beliau.